



**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

*Sports, Co-curricular and Arts Division*

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Ministry of Education Malaysia*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: KPM.600-12/1/4 Jld.60 ( 51 )  
Tarikh: 22 Januari 2025

Encik Koh Kok Heng  
Director  
EduSTEEMS and mangoSTEEMS  
Edusteems Sdn Bhd  
First Subang S-08-01, Jalan SS15/4G  
**47500 Selangor**

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM CODING OLYMPICS  
TAHUN 2025 ANJURAN EDUCTEEMS EDUCATION**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat yang di emel daripada pihak tuan bertarikh 13 Januari 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Program Coding Olympics Tahun 2025** pada **16 Februari hingga 30 September 2025**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
- 3.3 SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;